



**KENYATAAN BERSAMA
MESYUARAT MENTERI-MENTERI KESIHATAN ASEAN KE-14
29 OGOS 2019, SIEM REAP, KEMBOJA**

KAMI, Menteri-Menteri Kesihatan Negara Anggota ASEAN, mewakili Negara Brunei Darussalam, Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Republik Bersatu Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, dan Republik Sosialist Vietnam, telah mengadakan Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Ke-14 (14th ASEAN Health Ministers Meeting – AHMM) pada 29 Ogos 2019 di Siem Reap, Kemboja.

MENGIMBAS SEMULA visi Pemimpin ASEAN mengenai Komuniti ASEAN yang digariskan di dalam Deklarasi Kuala Lumpur 2015 mengenai Penubuhan Komuniti ASEAN dan sekaligus menyokong “ASEAN 2025: Bersama Maju Ke Hadapan” yang mengandungi antara lain, Rangka Tindakan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN 2025, semasa Kemuncak ASEAN Ke-27 pada November 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia.

MENEGASKAN SEMULA komitmen terhadap “Agenda Pembangunan Lestari 2030” sepertimana yang dipersetujui oleh Pemimpin semasa Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu Ke-70 pada 2015 yang termasuk matlamat menyeluruh bagi “memastikan kehidupan sihat dan mempromosikan kesejahteraan untuk semua peringkat umur”.

MENGIKTIRAF komitmen terhadap matlamat “Bersama Menuju ASEAN yang Sihat” semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Kesihatan ASEAN Ke-13 pada 6 September 2017 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam yang berkomited kepada perancangan dan pelaksanaan pelbagai sektoral dan pelbagai pemegang taruh berkaitan Deklarasi Pemimpin ASEAN terhadap (1) Rintangan Antimikrob: Mengatasi Rintangan Antimikrob Melalui Pendekatan Kesihatan Menyeluruh; (2) Penamatan Semua Bentuk Malnutrisi; dan (3) Pengurusan Kesihatan Semasa Bencana; dan, bagi pelaksanaan dan pemantauan ke atas empat (4) Program Kerja Kluster Kesihatan ASEAN dan 20 Keutamaan Kesihatan dalam Mempromosikan Gaya Hidup Sihat; Bertindak Terhadap Semua Bahaya dan Ancaman Baru Muncul; Memperkukuhkan Sistem Kesihatan dan Akses kepada Penjagaan; dan Memastikan Keselamatan Makanan, yang telah dipersetujui.

BERSATU dalam misi untuk mencapai matlamat Agenda Pembangunan Kesihatan Pasca-2015 ASEAN, dan untuk “Memacu Kesihatan untuk Semua di ASEAN”, termasuk memerangi ubat-ubatan sub-standard dan dipalsukan, memastikan pembiayaan kesihatan yang mampan, mengukuhkan kapasiti bagi melaksanakan Peraturan Kesihatan Antarabangsa (International Health Regulations – IHR) melalui Strategi Asia Pasifik bagi Penyakit Baru Muncul dan Kecemasan Kesihatan Awam (Asia Pacific Strategy for Emerging Diseases and Public Health Emergencies - APSED III), dan mempromosikan inovasi bagi

meningkatkan kualiti perkhidmatan, 14th AHMM telah berbincang dan bertukar pandangan mengenai persiapan dan tindak balas terhadap cabaran kesihatan di masa hadapan dan agenda dan keutamaan pembangunan kesihatan akan datang, dan bersetuju seperti berikut:

1. Kami bersetuju untuk terus mengekalkan dan menggunakan manfaat yang diterima dari pelaksanaan Agenda Pembangunan Kesihatan ASEAN Pasca-2015 dan bergerak bagi membangunkan program kerja dan inisiatif projek baru bagi 2021-2025 berdasarkan prestasi program kerja bagi 2016-2020, dan pendekatan secara menyeluruh meliputi masyarakat dan kerajaan.
2. Kami komited untuk mempromosikan penuaan yang sihat dan aktif melalui persekitaran yang menyokong dan memudahcara kerjasama kukuh dan efektif pelbagai sektoral melalui inisiatif kebangsaan dan serantau. Kami bersetuju dengan penubuhan Pusat Penuaan Aktif dan Inovasi ASEAN (ASEAN Centre for Active Ageing and Innovation – ACAI) yang akan menghasilkan pengetahuan dan inovasi; menyokong dasar penuaan aktif dan pelaksanaannya; dan memperkukuhkan kapasiti dan memudah cara kerjasama di kalangan Negara Anggota ASEAN (ASEAN Member States – AMS), entiti antarabangsa dan rakan kongsi lain, berhubung perkara-perkara berkaitan penuaan sihat dan aktif.
3. Kami mengulangi komitmen kami untuk mempercepatkan tindakan bagi mencegah dan mengawal penyakit tidak berjangkit melalui peningkatan tahap keupayaan komuniti dan penduduk dalam mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat, menggunakan dana yang mampan bagi penyakit tidak berjangkit dan mengukuhkan libat urus pelbagai sektoral dan pelbagai pemegang taruh dalam pelaksanaan saranan WHO dan intervensi lain selari dengan konteks negara, menangani faktor komersial dan sosial yang menyumbang kepada penyakit tidak berjangkit; dan Rangka Kerja Strategik ASEAN dan Pelan Tindakan Pemakanan 2018-2030 untuk menggalakkan pemakanan sihat; mempromosikan aktiviti fizikal dan kesihatan mental; program pengesanan awal dan rawatan penyakit tidak berjangkit; dan pencegahan kecederaan.
4. Kami seterusnya mengulangi komitmen kami terhadap kerjasama efektif dan pelaksanaan aktiviti yang berterusan bagi kesiapsiagaan, pencegahan, pengesanan dan tindak balas terhadap penyakit berjangkit, penyakit baru muncul dan penyakit muncul semula termasuk pandemik dan penyakit tropika yang diabaikan, dan lain-lain kecamasan kesihatan awam atau kesan kesihatan akibat bencana, dan ancaman keselamatan kesihatan.
5. Kami menyokong Satu ASEAN Satu Gerakan dalam pengurusan bencana dan bantuan kemanusiaan melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Untuk Melaksanakan Deklarasi Pemimpin ASEAN mengenai Pengurusan Kesihatan Bencana. Kami mengambil maklum perkongsian berterusan dalam Memperkukuhkan Kapasiti Serantau ASEAN dalam Pengurusan Kesihatan Bencana; dan Program Pengurangan Ancaman Biologi.
6. Kami menegaskan komitmen kami kepada Deklarasi Pemimpin ASEAN dalam Rintangan Antimikrob (Antimicrobial Resistance – AMR), dan menantikan pemuktamadan Rangka Kerja Strategik ASEAN bagi Mengatasi AMR melalui Satu Pendekatan Kesihatan (2019-2030) untuk menyumbang dalam pencapaian keselamatan kesihatan kebangsaan, serantau dan global, dan sasaran pembangunan

mampan yang berkaitan, bagi manusia, haiwan dan pertanian, kesihatan alam sekitar, dan keselamatan makanan.

7. Kami menegaskan semula komitmen kami untuk memerangi produk perubatan substandard dan dipalsukan.
8. Kami menyokong pemuktamadan Pelan Tindakan ASEAN yang dibangunkan bersama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation – WHO) dalam memerangi ubat-ubatan substandard dan dipalsukan dengan antara lain, memperkukuhkan mekanisme kawalselia kebangsaan, penyelarasan dan kerjasama dalam pelaksanaan berterusan bagi pencegahan, pengesanan dan tindakbalas bagi menghapuskan ubat-ubatan substandard dan dipalsukan di dalam negara dan rantau ini; dan membangun dan memastikan sistem pembekalan yang efisien yang menyumbang dalam memastikan populasi di dalam rantau ini terutamanya di kawasan pedalaman AMS mempunyai akses kepada ubat-ubatan yang selamat, efektif, mampu milik dan berkualiti. Kami menantikan pertukaran pandangan dan kerjasama selanjutnya, di samping pengambilan tindakan konkrit ke atas ubat-ubatan substandard dan dipalsukan dalam konteks kerjasama kesihatan yang lebih luas di dalam dan di luar ASEAN. Kami seterusnya komited dalam menyokong dan bekerjasama erat bersama rakan kongsi dan pemegang taruh yang berkaitan disamping memacu agenda tersebut, serta menantikan kerjasama lanjut dalam ubat-ubatan substandard dan dipalsukan semasa Sidang Kemuncak Asia-Eropah Ke-13 pada tahun 2020 di Phnom Penh, Kemboja.
9. Kami menegaskan semula sokongan dalam memastikan keselamatan makanan melalui kerjasama serantau, mengiktiraf kepentingan penilaian risiko dalam membangunkan langkah-langkah keselamatan makanan berasaskan bukti, yang dimudahcara oleh Pusat Penilaian Risiko ASEAN (ARAC) bagi Keselamatan Makanan.
10. Kami tetap komited untuk mengukuhkan penjagaan kesihatan primer bagi mencapai Liputan Kesihatan Sejagat di kalangan AMS, dan memastikan ketersediaan dan penyediaan ubat-ubatan penting tepat pada masanya dan intervensi kesihatan secara kos efektif di fasiliti penjagaan kesihatan dan membangunkan kapasiti pekerja kesihatan.
11. Kami menghargai pencapaian yang telah dicapai oleh Pegawai Kanan ASEAN Dalam Pembangunan Sektor Kesihatan dan Kluster Kesihatan ASEAN dalam memperkukuhkan kerjasama kesihatan dan pelaksanaan Agenda Pembangunan Kesihatan ASEAN Pasca-2015 di bawah Kepengerusian Kementerian Kesihatan Kemboja pada tahun 2018 dan 2019, dan menantikan Kepengerusian oleh Republik Indonesia.
12. Kami seterusnya menugaskan Pegawai Kanan ASEAN Dalam Pembangunan Sektor Kesihatan perkara-perkara berikut:
 - (a) untuk memuktamad Pelan Tindakan ASEAN bagi menangani ubat-ubatan substandard dan dipalsukan, bagi menyokong dan bekerjasama erat dengan rakan kongsi dan pemegang taruh yang berkaitan termasuk rakan kongsi di Sidang Kemuncak 2020 Asia-Eropah Ke-13 yang dianjurkan oleh Kemboja.

- (b) bagi menyokong pemantauan dan penilaian yang berkesan terhadap prestasi Program Kerja Kluster Kesihatan ASEAN dalam Agenda Pembangunan Kesihatan ASEAN Pasca-2015, dan kemajuan kerjasama pelbagai sektoral dan pelbagai pemegang taruh dalam pelaksanaan Deklarasi berkaitan kesihatan, pencapaian dan batas keupayaan, yang akan bertindak sebagai panduan terhadap kajian semula dan pembangunan program-program baru bagi 2021-2025.

13. Kami mengiktiraf dan menghargai sumbangan oleh, dan seterusnya komited untuk bekerjasama bersama Rakan Kongsi Dialog dan Pembangunan sambil mematuhi Kaedah-kaedah Prosedur Mengenai Penglibatan Entiti Dengan Sektor Kesihatan ASEAN.

Kami menantikan pertukaran pandangan dan kerjasama dalam pembangunan kesihatan semasa mesyuarat berikutnya di Republik Indonesia pada tahun 2021.
